

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan penemuan kajian yang dibuat oleh pengkaji dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam Bab 1 bahagian soalan-soalan kajian. Soalan-soalan tersebut dapat dijawab berdasarkan penganalisan data yang telah dibincangkan dalam bab empat. Di samping itu, cadangan kajian masa depan juga dapat dikemukakan oleh pengkaji supaya ia akan membantu dan menjadi garis panduan kepada penyelidik lain yang akan menyelami bidang sociolinguistik terutama dalam perlakuan penukaran kod.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji penukaran kod dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields Kuala Lumpur dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Sains. Oleh sebab kajian ini berkaitan mengenai fenomena penukaran kod, maka penyelidik menggariskan beberapa objektif seperti mengenal pasti kekerapan peringkat penukaran kod, pola-pola penukaran kod, fungsi-fungsi dan faktor-faktor yang menyebabkan penukaran kod dalam kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda. Oleh yang demikian, penyelidik meneruskan kajian dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

5.2.1 Kekeperapan Peringkat Penukaran Kod.

Hasil daripada penganalisan dalam bab empat, penyelidik mengesan penukaran kod berlaku pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Penyelidik hanya memberi tumpuan kepada penukaran yang berlaku dalam kalangan guru sahaja dan penukaran kod dalam kalangan murid-murid tidak diambil kira. Bagi mengesan kekeperapan peringkat penukaran kod, penyelidik menggunakan data melalui rakaman lapan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Maka data yang diperolehi menunjukkan sebanyak 378 ujaran penukaran kod berlaku dari transkrip 1 hingga 8.

Setelah menganalisis data kajian, didapati peringkat ayat bahasa Tamil mencatat kekeperapan penukaran yang paling tinggi iaitu sebanyak 192 ayat bahasa Tamil dan 9 ayat bahasa Melayu. Ini kerana, sampel lebih kerap menggunakan bahasa Tamil berbanding dengan bahasa Inggeris sewaktu pengajaran kerana mereka ingin memberi penerangan tentang isi pelajaran. Manakala, frasa bahasa Melayu mencatat bilangan yang paling kurang iaitu sebanyak 7 kali. Selain itu, data menunjukkan tidak terdapat sebarang penukaran kod dari segi klausa bahasa Melayu.

5.2.2 Bahasa Yang Paling Kerap Digunakan Oleh Sampel Semasa Penukaran Kod.

Selain mengkaji peringkat penukaran kod, kekeperapan bahasa yang dipilih oleh sampel menukar kod juga dapat dikaji. Setelah membuat analisis, didapati sampel lebih kerap memilih bahasa Tamil berbanding bahasa Melayu semasa menukar kod. Kenyataan ini

dapat dibuktikan dengan data kajian di mana sebanyak 422 penukaran kod di peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat ditukar kod dalam bahasa Tamil dengan peratus penukaran sebanyak 94.4. Manakala sebanyak 25 penukaran kod iaitu 5.6 peratus dikesan dalam bahasa Melayu. Ini berlaku kerana mungkin sampel lebih selesa menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil sewaktu komunikasi dengan murid-murid. Akan tetapi adakalanya sampel menukar kod kerana murid-murid kurang fasih dalam bahasa Inggeris menyebabkan mereka sukar untuk memahami isi pelajaran sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains. Maka, guru terpaksa menukar kod ke dalam bahasa Tamil bagi menjelaskan isi pelajaran supaya murid-murid boleh memahaminya dengan jelas.

5.2.3 Perbezaan Pola–Pola Penukaran Kod Yang Berlaku Dalam Kalangan Guru.

Selain mengkaji kekerapan peringkat penukaran kod, turut dikaji pola–pola penukaran kod. Bagi memudahkan proses mengesan pola-pola penukaran kod yang berlaku, simbol-simbol dapat digunakan bagi merujuk bahasa yang terlibat dalam pola penukaran. Sehubungan dengan itu, B1 digunakan bagi merujuk bahasa Melayu, B2 untuk menandakan bahasa Inggeris dan B3 pula merujuk kepada bahasa Tamil. Seterusnya, simbol → pula merujuk kepada arah pola penukaran kod yang berlaku.

Daripada penganalisan data kajian, sebanyak tujuh jenis pola penukaran kod dikenalpasti dalam kalangan sampel. Pola-pola penukaran kod dapat dikesan pada peringkat perkataan, frasa, klausa mahupun ayat. Pola-pola yang dikenal pasti adalah seperti berikut, (1) Bahasa

Inggeris → Bahasa Tamil, (2) Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu, (3) Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris, (4) Bahasa Melayu → Bahasa Tamil, (5) Bahasa Tamil → Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil, (6) Bahasa Tamil → Bahasa Melayu → Bahasa Melayu, (7) Bahasa Inggeris → Bahasa Melayu → Bahasa Tamil.

Secara keseluruhannya didapati, pada peringkat perkataan, sebanyak enam jenis pola dikesan. Pada peringkat frasa pula sebanyak tiga jenis pola sahaja dikesan. Manakala, peringkat klausa dan ayat masing-masing lima jenis pola penukaran kod dapat dikesan. Selain itu, pola penukaran kod yang paling kerap berlaku pada peringkat ayat iaitu sebanyak 17 kali manakala yang paling kurang berlaku pada peringkat frasa dengan kekerapan sebanyak 6 kali. Kekerapan kejadian pola –pola berikut dapat dikesan berdasarkan pada data kajian. Daripada tujuh jenis pola yang dikesan, pola jenis Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil didapati kerap kali berlaku pada semua peringkat penukaran kod. Ini dibuktikan dengan data kajian yang mengatakan pola jenis Bahasa Inggeris → Bahasa Tamil dikesan sebanyak 4 kali pada peringkat perkataan, 2 kali pada peringkat frasa, 6 kali pada peringkat klausa dan sebanyak 7 kali pada peringkat ayat. Maka, pola jenis ini dapat dikesan sebanyak 19 kali dari keseluruhan data. Penggunaan bahasa Tamil oleh sampel dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk memberi penerangan mahupun menyampaikan isi pelajaran menyebabkan pola jenis kerap kali berlaku.

Secara kesimpulannya, didapati kepelbagaian pola penukaran kod berlaku kerana sikap sampel kajian yang menterjemahkan sesuatu ujaran dari bahasa asal ke bahasa lain sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Akan tetapi, pada pandangan sampel, mereka menukar kod semata-mata untuk menyampaikan isi pelajaran dengan cara yang mudah dan

berkesan supaya murid-murid boleh memahaminya dengan mudah dan jelas. Secara tidak langsung ia akan memberi keberkesanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

5.2.4 Faktor–faktor Sosiobudaya Yang Mendorong Penukaran Kod Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Oleh Guru–guru SJK(T) Vivekananda.

Seterusnya, faktor-faktor yang mendorong sampel melakukan penukaran kod juga dapat dikaji. Apa yang diperhatikan oleh penyelidik adalah, faktor kebiasaan menjadi punca utama bagi berlakunya penukaran kod dalam kalangan sampel. Menurut Maya Khelmani (2003:19), beliau dalam kajiannya mengatakan sekiranya sesuatu istilah bahasa lain telah biasa digunakan bagi merujuk sesuatu benda mahupun seseorang, maka apabila penutur merujuk pada benda tersebut secara tidak sedar penutur akan menukar kod. Beliau juga mengerti, hal ini bukan kerana ketiadaan kosa mahupun penutur kurang fasih dalam sesuatu bahasa malah faktor kebiasaan mengakibatkan perkara ini terjadi. Data menunjukkan kesemua sampel menukar kod akibat daripada faktor kebiasaan. Kadangkala sampel secara tidak sedar menukar kod kerana ia sudah pun menjadi kebiasaan kepada mereka terutama sewaktu berinteraksi dengan murid-murid.

Selain itu, sikap sampel juga menjadi faktor kepada berlakunya penukaran kod. Hal ini disebabkan, adakalanya sampel dengan sengaja menukar kod. Mereka tidak langsung menghiraukan impak mahupun kesan yang akan berlaku kepada ketulenan sesuatu bahasa. Sampel dengan sengaja menukar kod sewaktu mereka berkomunikasi dengan murid-murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sikap ini harus dikikis dalam kalangan guru-

guru supaya mereka dapat menggunakan bahasa standard sewaktu berkomunikasi dengan orang lain.

Seterusnya, ketiadaan kosa kata juga menyebabkan berlakunya penukaran kod. Ketiadaan kosa yang sesuai dan tepat untuk menerangkan sesuatu konsep, menyebabkan sampel menggunakan bahasa lain untuk memberi penerangan mahupun menjelaskan konsep tersebut. Hal ini lebih kerap berlaku semasa penutur merujuk istilah-istilah dalam bidang teknologi maklumat. Lebih-lebih lagi istilah-istilah yang terdapat dalam mata pelajaran Sains, mengelirukan murid-murid untuk difahaminya. Kadangkala guru juga mengalami kesukaran untuk menerangkan konsep istilah-istilah tersebut, sedangkan ianya adalah suatu yang baru dan sedang diperkembangkan serta dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Maka, keadaan menyebabkan guru terpaksa menukar kod ke bahasa lain untuk menerangkan sesuatu konsep mahupun istilah yang tidak difahami oleh murid-murid.

Sampel juga menukar kod untuk mengajuk ujaran. Tujuan guru mengajuk ujaran murid-murid bagi memastikan murid-murid mengujarkan sesuatu perkataan dengan intonasi dan sebutan yang betul. Cara ini membolehkan murid-murid melatih dirinya supaya mengujarkan sesuatu ujaran dengan nada, intonasi yang sesuai. Selain itu sampel juga meminta murid-murid mengulangnya sesuatu perkataan mahupun ujaran yang diajarnya bagi memastikan murid tersebut faham perkataan tersebut atau pun tidak. Kadangkala, guru juga menyuruh beberapa murid mengulangi sesuatu konsep atau tema yang dipelajari supaya mengimbas kembali apa yang dipelajarinya. Sekiranya murid menggunakan bahasa yang lain bagi menerangkan konsep tersebut, maka guru akan mengulangnya dengan bahasa yang digunakan oleh murid tersebut supaya memastikan apa yang

diterangkan oleh murid tersebut adalah betul. Data menunjukkan sampel menukar kod semasa mengajuk ujaran dari murid-murid.

Tambahan pula, penglibatan antara peserta guru dan murid juga mendorong sampel menukar kod. Sememangnya, komunikasi sehalu dari pihak guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran tidak akan memberi manfaat kepada murid-murid kerana murid-murid tidak boleh menguasai kemahiran bertutur. Maka, komunikasi dua hala diberi penekanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan guru harus memainkan peranan penting dalam usaha menyemaikan kemahiran bertutur dalam kalangan murid-murid. Maka, sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam perbincangan kumpulan, murid-murid bertutur menggunakan bahasa yang mereka ketahui. Pada hal, guru terpaksa menukar kod mengikut bahasa yang digunakan oleh murid-murid supaya guru juga melibatkan dirinya dalam perbincangan. Secara tidak langsung, penglibatan antara peserta guru dan murid mencetuskan fenomena penukaran kod.

Topik atau isi kandungan pelajaran juga merupakan salah satu faktor pendorong kepada penukaran kod. Ini kerana, semasa sampel mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman murid-murid di luar bilik darjah atau mengaitkan dengan aktiviti harian murid-murid berlakunya penukaran kod. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana, secara kebiasaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik sekiranya guru mengaitkan isi pelajaran dengan dunia sebenar murid, dengan memberi contoh sebenar yang pernah dialami oleh murid-murid seperti pengalaman dan aktiviti harian. Demi menarik minat murid-murid terhadap pelajaran, guru terpaksa menukar kod. Selain itu, pengaruh pengajaran mata pelajaran lain oleh sampel juga mendorong berlakunya penukaran kod.

Ada sampel mengajar mata pelajaran bahasa Tamil, Sivik, Kajian Tempatan dan Kemahiran Hidup dalam bahasa Tamil. Maka sudah pastinya mereka lebih fasih dalam bahasa Tamil dan perkara ini menjadi kebiasaan untuk sampel– sampel ini menggunakan bahasa Tamil dengan lebih kerap dalam aktiviti pengajaran terutama, dalam mata pelajaran yang tidak melibatkan bahasa Tamil seperti mata pelajaran Sains. Ekoran daripada itu, jelas berlakunya penukaran kod.

Faktor terakhir yang dikenal pasti adalah latar belakang pendidikan sampel. Sampel A, B, C dan F mengikuti pengajiannya dalam jurusan bahasa Tamil di maktab. Data kajian menunjukkan guru dari jurusan bahasa Tamil lebih kerap menukar kod dalam bahasa Tamil. Ini mungkin kerana latar belakang pendidikan sampel di maktab. Pengetahuan dan kemahiran bahasa Tamil yang mendalam, mendorong sampel lebih kerap menukar kod sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara tidak sedar.

5.2.5 Fungsi-fungsi Penukaran Kod Wacana Bilik Darjah Yang Digunakan Oleh Guru-guru.

Selain faktor-faktor penukaran kod, fungsi-fungsi penukaran kod juga dapat dikaji dalam kajian ini. Daripada penganalisan data kajian didapati, sampel menukar kod dengan tujuan memberi pujian atau galakkan. Sekiranya murid menjawab soalan yang ditanyakan oleh guru dengan betul maka, guru memuji murid tersebut dengan ucapan tahniah dan menyuruh murid-murid yang lain bertepuk tangan supaya ia akan memberi semangat kepada murid tersebut. Kebanyakan sampel menukar kod ke bahasa Tamil sewaktu mereka

memuji murid-murid. Ini kerana pujian yang diberikan dalam bahasa Tamil lebih difahami oleh murid-murid dan ini memberi kegembiraan yang tidak terhingga kepada mereka berbanding dengan memuji dalam bahasa Inggeris. Biasanya, murid-murid menerima pujian di dalam mahupun di luar sekolah dalam bahasa Tamil menyebabkan mereka lebih gemar sekiranya guru-guru memuji mereka dalam bahasa Tamil. Maka, sampel terpaksa menggunakan bahasa Tamil ketika memuji murid-murid.

Walaupun guru mendominasi bilik darjah ketika proses pengajaran namun, guru mesti berperanan mendapatkan respons atau tindak balas dari murid-murid dengan memberi peluang kepada murid-murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Respons mahupun penglibatan murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran akan membolehkan guru menilai tahap kefahaman murid mengenai isi pelajaran yang dibincangkan olehnya dengan kadar yang serta merta. Didapati bahawa penukaran kod berlaku dalam kajian ini bagi menggalakkan murid untuk memberi respons kepada pertanyaan guru. Boleh dikatakan, kesemua sampel dalam kajian ini kerap menukar kod untuk menggalakkan murid-murid berkomunikasi terutama semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Data menunjukkan, penukaran kod yang berfungsi memberi penerangan telah digunakan oleh keenam-enam sampel ketika proses pengajaran. Memandangkan mata pelajaran Sains diajar dalam bahasa Inggeris, maka adakalanya murid-murid sukar memahami isi pelajaran yang dibincangkan oleh guru. Bagi mengelakkan situasi ini; serta memastikan murid-murid fahami apa yang dipelajari, maka sampel terpaksa menukar kod bagi memberi penjelasan dan penerangan tentang topik pengajaran.

Fungsi memberi penekanan kepada perkara penting dikesan ketika guru dengan serius membincangkan sesuatu topik mahupun isi pelajaran yang dianggap perlu diberi keutamaan kerana kemungkinan topik pengajaran tersebut akan diuji dalam peperiksaan. Analisis kajian menerangkan biasanya sampel menukar kod ketika memberi penekanan kepada perkara-perkara penting dalam pelajaran kerana mereka berharap murid-murid akan memberi lebih tumpuan dalam pelajarannya. Ini memberi peluang kepada murid-murid untuk menghafal dan mengingati isi-isi penting tersebut sebagai persediaan awal untuk peperiksaan mahupun sebagai aktiviti mengulangkaji pelajaran.

Pencapaian objektif aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dapat dinilai berdasarkan kepada penglibatan murid-murid. Adakalanya, objektif aktiviti pengajaran pada hari tersebut tidak dicapai kerana sikap murid-murid sendiri yang suka mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Ekoran itu, guru mengalami kesukaran untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan terpaksa menegur pelajar yang bermasalah bagi mengawal keadaan kelas serta melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru juga memberi arahan kepada murid-murid untuk membuat sesuatu tugas seperti menyiapkan kerja rumah serta mengingatkan perkara-perkara penting mengenai pelajaran. Data menunjukkan, kesemua sampel didapati menggunakan penukaran kod yang berfungsi sebagai menegur, memberi arahan dan memberi peringatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

5.3 Kesimpulan

Hasil daripada kajian yang dijalankan, penyelidik telah mencapai objektif kajian dengan mencari jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan dalam Bab 1; (bahagian 1.5 soalan-soalan Kajian). Penyelidik telah mengesan kekerapan peringkat penukaran kod, bahasa pilihan sampel ketika menukar kod, mengesan perbezaan pola-pola penukaran kod serta mengenal pasti faktor-faktor sosiobudaya dan fungsi-fungsi penukaran kod dalam kalangan guru-guru sekolah Tamil sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, penukaran kod adalah satu sumber komunikasi yang berguna dan patut diaplikasikan dalam konteks bilik darjah sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini akan memberi manfaat kepada pendidik-pendidik yang menceburi bidang pendidikan serta ia juga mendatangkan kebaikan kepada anak muridnya di semua peringkat bermula dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi. Ini disebabkan, fenomena penukaran kod dalam aktiviti pengajaran akan memudahkan guru menyampaikan isi pelajaran manakala murid-murid pula akan memahaminya dengan lebih mudah dan jelas tanpa rasa kekeliruan.

Masalah penguasaan sesuatu bahasa yang tertentu dalam kalangan murid-murid tidak lagi menjadi penghalang kepada mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahasa berkenaan. Ini kerana kehadiran penukaran kod dalam mana-mana aktiviti pengajaran dan pembelajaran memberi keselesaan kepada murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru. Oleh yang demikian, penukaran kod sesuai digunakan dalam bilik darjah sebagai sumber komunikasi yang berkesan dalam aktiviti

pengajaran dan pembelajaran. Penukaran kod dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja digunakan dalam sekolah rendah, malah digunakan secara meluas di semua pusat pengajian tinggi. Dengan cara demikian, sudah pastinya fenomena penukaran kod tidak lagi dipandang rendah yang mengancam ketulenan sesuatu bahasa malah ia disanjung tinggi sebagai satu sumber komunikasi yang berkesan dan berguna untuk membantu melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran.

5.4 Cadangan Untuk Kajian Masa Depan.

Penukaran kod adalah satu bidang yang luas dalam sosiolinguistik. Oleh yang demikian, lebih banyak kajian dari pelbagai sudut harus dijalankan secara mendalam dalam bidang penukaran kod. Maka, berikut adalah beberapa cadangan mengenai kajian masa depan.

Kajian masa depan dapat dilakukan dengan menggunakan persampelan kajian yang agak besar supaya menghasilkan penemuan hasil kajian yang lebih luas dan menyeluruh. Mungkin pengkaji boleh menjalankan kajian ke atas guru-guru dan murid-murid di beberapa buah sekolah dalam keadaan formal mahupun tidak formal. Ini kerana, faktor sosiobudaya yang berlainan akan mendorong berlakunya penukaran kod dalam kalangan guru-guru dan murid-murid. Pengkaji juga boleh mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam situasi yang tidak formal seperti perbualan di luar dari bilik darjah.

Seterusnya, kajian masa depan boleh dilakukan dengan mengkaji perbandingan kekerapan penukaran kod mengikut jantina. Pengkaji boleh menjalankan kajian dalam kalangan guru lelaki dan guru wanita bagi mengesan kekerapan penukaran kod serta faktor-faktor sosiobudaya yang mendorong kepada penukaran kod. Sebolehnya, sampel yang dipilih pula bukan hanya terdiri dari sesebuah sekolah yang khusus, malah kajian harus dilakukan dengan memilih sampel secara rawak dari beberapa sekolah. Ini akan memberikan dapatan kajian yang menyeluruh dan jitu.

Dicadangkan supaya menjalankan kajian yang serupa dalam bidang-bidang yang lain. Apa yang dibincangkan dalam kajian ini adalah, sangat terhad mengenai penukaran kod dalam bilik darjah yang hanya melibatkan pengajaran mata pelajaran Sains. Agak baiknya sekira pengkaji memperlihatkan penukaran kod dalam situasi-situausi yang lain seperti perbualan harian, bidang perniagaan, media massa, teknologi maklumat dan sains sosial. Dengan demikian, dapatan dari kajian-kajian tersebut akan memberi satu gambaran yang jelas mengenai fenomena penukaran kod.

Memang tidak dinafikan, penukaran kod adalah satu bidang yang amat meluas yang hadir bersama-sama masyarakat dan perlu diterokoi dalam pelbagai aspek. Maka, menerusi kajian-kajian masa depan sudah pastinya akan memberi gambaran yang jelas dan memperincikan fenomena penukaran kod.